

## FAKTOR PERUBAHAN PENDAPAT IMAM AL-SHĀFI'Ī DARI *QAWL QADĪM* KEPADA *QAWL JADĪD*

Abdul Karim Ali\*  
Siti Kursiah Mansor\*\*  
Sihabuddin Muhaemin\*\*\*  
Wan Zulkefli Wan Hassan\*\*\*\*

### ABSTRAK

*The existence of two doctrines, qawl qadīm and qawl jadīd is a distinctive feature of al-Shāfi'ī madhhab. The former is fatwa, ijtihad or views issued by al-Shāfi'ī while he was in Iraq, while the latter is his fatwa, ijtihad or views when he was in Egypt. Generally, the existence of his two doctrines is due to certain differences between Iraq and Egypt in terms of time, place, custom and finding of new hadith. Therefore, the article attempts to analyse selected cases of fiqh in order to identify what leads Imam al-Shāfi'ī to change some of his ijtihad, fatwa and views from qawl qadīm to qawl jadīd.*

**Keywords:** *qawl qadīm - qawl jadīd, biodata of al-Shāfi'ī, changes of fatwas, category of changes.*

---

\* Associate Professor Doctor at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic

\*\* Studies, University of Malaya, email: abdkarim@um.edu.my.

\*\*\* Lecturer at Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU, UiTM), email: sitik302@salam.uitm.edu.my

\*\*\*\* Independent Researcher, e-mail: ustsihab@yahoo.com

Lecturer at Centre for General Study (PPU), National University of Malaysia, (UKM), email: wenzoul@ukm.my

## PENDAHULUAN

Mazhab Shāfi`ī merupakan salah satu mazhab fiqh yang diakui oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah. Ia diasaskan oleh Imam al-Shāfi`ī yang dikenali sebagai seorang yang *mujaddid, tāj al-fuqahā'* dan *al-Imām zayn al-fuqahā'*. Beliau dilahirkan<sup>2</sup> di Ghazzah, Palestin<sup>3</sup> pada tahun 150H dalam keadaan yatim<sup>4</sup> dan meninggal dunia pada malam Jumaat selepas waktu `Isyak 27 Rejab pada tahun 204H bersamaan 4 Januari tahun 820M semasa umurnya menjangkau 54 tahun.<sup>5</sup>

Populariti Imam al-Shāfi`ī dalam bidang ilmu tidak dapat disangkal lagi.<sup>6</sup> Dengan pengalaman pengembaraan ilmiah beliau meliputi sebahagian bandar-bandar besar ketika itu beliau dapat menyelesaikan masalah dan persoalan yang berlaku dalam masyarakat yang berubah dari sudut adat resam.<sup>7</sup> Ini kerana beliau pernah menuntut ilmu di pelbagai tempat seperti Mekah<sup>8</sup>, Madinah, Yaman dan Iraq.

---

<sup>1</sup> Nama sebenar Imam al-Shāfi`ī ialah Muḥammad b. Idrīs b. al-'Abbās b. 'Uthmān b. Shāfi`ī b. al-Sā'ib b. 'Ubayd b. 'Abd Yazīd b. Hāsyim b. al-Muṭṭalib b. 'Abd Manāf. Beliau berasal dari keturunan Arab Quraisy Banī Hāsyim dan salasilah keturunannya bertemu dengan Nabi Muhammad SAW pada 'Abd Manāf b. Qusay. Dalam pada itu, al-Muṭṭalib adalah saudara kepada Hāsyim b. 'Abd Manāf. Sedangkan Hāsyim merupakan bapa kepada 'Abd al-Muṭṭalib dan beliau ('Abd al-Muṭṭalib) adalah datuk kepada Nabi Muḥammad SAW. Ini dikuatkan lagi dengan riwayat 'Abd Allāh b. 'Adī al-Ḥāfiẓ yang menyatakan bahawa Imam al-Shāfi`ī adalah dari keturunan Nabi Ibrāhīm a.s. yang mana keturunannya sampai kepada nabi Muḥammad SAW. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Rāzī (t.t.), *Manāqib al-Imām al-Shāfi`ī*, Kaherah: Maktabah al-'Allāmah, h. 4 dan 132; Abū Bakr Aḥmad b. 'Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī (1997), *Tārīkh Baghdād*, Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil.2, h. 68.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Lihat al-Baghdādī (1997), *op. cit.*, jil.2, h. 54 dan 57; Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Rāzī (t.t.), *op. cit.*, h. 17.

<sup>4</sup> Lihat Al-Bayhaqī Aḥmad b. al-Ḥusayn (1391H), *Manāqib al-Shāfi`ī*, Kaherah: al-Ḥalabī, jil. 1, h. 73.

<sup>5</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1987), *op. cit.*, h. 449-450.

<sup>6</sup> Lihat, al-Ḥāfiẓ Abū Na`īm al-Aṣbahānī Aḥmad b. 'Abd Allāh (t.t), *Ḥilyah al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāt*, Mesir: Dār al-Kitāb al-'Arabī, jil. 9, h. 135.

<sup>7</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1948), *al-Imām al-Shāfi`ī Ḥayātuh wa 'Aṣruh wa Ārā'uh wa Fiḥuh*, Kaherah: Dār al-Kutub, h. 149.

<sup>8</sup> Lihat al-Baghdādī (1997), *op. cit.*, jil.2, h. 57.

Tidak dapat dikenalpasti secara tepat jumlah sebenar hasil karya Imam al-Shāfi'ī. Mengikuti pengamatan Imam al-Nawawī, Imam al-Shāfi'ī menulis dan merencanakan kepada penuntut-penuntutnya sebanyak 113 karya. Sementara Yāqūt al-Ḥamawī menyatakannya berjumlah 147 karya.<sup>9</sup> Ia merangkumi pelbagai bidang terutamanya *Uṣūl al-Fiqh*, *Fiqh* dan tafsir al-Qur'ān.

Dalam bidang *fiqh* beliau mengarang *Kitāb al-Hujjah* yang merupakan di antara kitab yang terawal dikarang oleh beliau dan ia adalah koleksi fatwa beliau.<sup>10</sup> Manakala kitab *al-Risālah* yang membahaskan berhubung bidang *Uṣūl al-Fiqh* dikarang dan disempurnakan penulisan tersebut ketika beliau berada di Mesir. Dengan dua buah karya tersebut, Imam al-Shāfi'ī dapat mengembangkan pendapat dan metodologi beliau yang kemudiannya dinamakan *madhhab qadīm* atau *qawl qadīm*. Aḥmad b. Ḥanbal, al-Za'farānī dan al-Karabīsī di antara murid beliau yang bertanggungjawab menyebarkan mazhab dan fatwanya semasa di Baghdad.<sup>11</sup>

Dalam masa yang sama, para murid beliau yang mempunyai daya pemikiran yang tajam seperti Aḥmad b. Ḥanbal, Ishāq b. Rāhuwayh, al-Ḥārith b. Surayj al-Naqqāl, Aḥmad b. Sinān al-Qattān, Aḥmad b. Khālīd al-Khalāl, Abū Thūr, al-Ḥasan b. Muḥammad al-Za'farānī dan lain-lain lagi merupakan tenaga yang bertanggungjawab memelihara dan mengembangkan metodologi, kaedah hukum dan fatwa-fatwa beliau ketika berada di Baghdad sehingga mazhab beliau berkembang pesat di Iraq. Dengan ini, koleksi fatwa dan ijtihad yang dikeluarkan oleh Imam al-Shāfi'ī semasa berada di Iraq dinamakan sebagai *qawl qadīm* (pandangan lama).<sup>12</sup>

Sewaktu berada di Mesir, beliau cuba mengkaji semula karangan-karangannya dan juga fatwa-fatwa yang telah beliau keluarkan semasa berada di Baghdad, Iraq dan Mekah. Dengan penyemakan tersebut, beliau dapat mengemaskinikan karangan-karangan beliau agar ia bertambah mantap dan lebih lengkap. Ini termasuk kitab *al-Risālah*, *al-*

<sup>9</sup> Al-Nawawī (t.t), *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 6; Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, Kaherah: al-Rahmaiyah press, h. 264; Yaqut al-Hamawī (1979), *Kitab Irshad al-Arib ila Ma'rifat al-Adib al-Ma'ruf bi-Mu'jam al-Udaba' aw Tabaqat al-Udaba'*. jil. 17, Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi, h. 324.

<sup>10</sup> Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi'ī (1993), *al-Umm*, Maḥmūd Maṭraji (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil. 1, h. 31; al-Nawawī (t.t.), *Tahdhib al-Asmā' wa al-Lughāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 61.

<sup>11</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1986), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. 3, Damsyik: Dār al-Fikr, jil. 1, h. 37.

<sup>12</sup> *Ibid.*; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, jil. 1, h. 37.

*Hujjah* (sebelum dinamakan *al-Umm*) dan beberapa buah kitab yang yang lain.<sup>13</sup>

Meskipun Imam al-Shāfi`ī berada di Mesir hampir lima tahun, namun beliau dapat membuat penyemakan semula kitab-kitab beliau yang dikarang sepanjang tempoh 30 tahun. Bahkan beliau dapat menambahkan lagi koleksi baru karangan beliau semasa berada di Mesir.<sup>14</sup>

Namun penyemakan yang dilakukan oleh Imam al-Shāfi`ī di Mesir hanya melibatkan beberapa pandangan dan fatwa terhadap masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat yang berbeza dari sudut adat resam dan situasi. Dengan ini, beliau menambah beberapa fakta yang sewajarnya diketengahkan. Fatwa-fatwa baru yang dikeluarkan oleh beliau semasa berada di Mesir dinamakan *qawl jadīd* (pandangan baru). Justeru, di peringkat ini mazhab al-Shāfi`ī mempunyai dua bentuk fatwa iaitu *qawl qadīm* dan *qawl jadīd*. Ini menunjukkan beliau tidak mengubah seratus-peratus terhadap pendapat-pendapat dan fatwa-fatwanya terdahulu.<sup>15</sup> *Qawl qadīm* dan *qawl jadīd* Imam al-Shāfi`ī menggambarkan keanjalan fiqh. Ia boleh berubah kerana mengambilkira beberapa faktor tertentu. Ia biasanya merujuk kepada perbezaan tempat, `uruf, zaman dan penemuan dalil baru yang lebih kuat. Namun secara umum, perubahan *qawl* al-Shāfi`ī dilihat umum sebagai perbezaan tempat itu sendiri, di antara Iraq dan Mesir.

## DEFINISI *QAWL QADĪM* DAN *JADĪD*

Dari penerangan di atas, *qawl qadīm* boleh didefinisikan sebagai pendapat, fatwa, *qawl* dan kitab-kitab yang ditulis oleh al-Shāfi`ī sewaktu berada di Baghdad. Manakala *qawl jadīd* pula ialah pandangan, fatwa, *qawl* dan kitab-kitab yang ditulis oleh beliau di Mesir. Di antara kitab-kitab yang dihasilkan semasa di Iraq yang mengandungi *qawl qadīm* ialah *al-Risālah*, *al-Qadīmah*, *al-Hujjah*, *al-Mabsūt* dan lain-lain. Manakala kitab-kitab yang dihasilkan semasa di Mesir yang mengandungi *qawl jadīd* antaranya ialah *Amalī al-Kubrā*, *al-Imlā' al-Ṣaghīr*, *Mukhtaṣar al-Buwaytī*, *Mukhtaṣar al-Muzānī*, *Aḥkām al-Qur'ān*, *Ibṭāl al-Istiḥsān*, *Musnad al-Shāfi`ī*, *Ikhtilāf Mālik wa al-Shāfi`ī*, *Ikhtilāf al-'Irāqiyīn* dan lain-lain.<sup>16</sup>

<sup>13</sup> al-Shāfi`ī (1993), *op. cit.*, h. 31; Abū Hāmid al-Ghazzālī (t.t.), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, Kaherah: al-Ḥalabī, jil. 2, h. 131.

<sup>14</sup> Muḥammad 'Abd al-Raḥīm (1995), *Dīwān al-Imām al-Shāfi`ī*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 32.

<sup>15</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1948), *op. cit.*, h. 149; idem, (1987M), *op. cit.*, h. 477.

<sup>16</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1948), *op. cit.*, h. 135.

Apakah *qawl jadid* yang ditetapkan berdasarkan `uruf Mesir itu menasakhkan atau membatalkan *qawl qadim*? Atau adakah ia merupakan ijhtihad baru yang sesuai dengan `uruf serta suasana persekitaran Mesir? Menurut setengah ulama, ia dianggap sebagai ijhtihad baru kerana sekiranya seseorang mujtahid mengeluarkan sesuatu pendapat dan tiada nas yang bertentangan dengannya, maka ia tidak boleh menarik balik pendapat tersebut, tetapi ia hendaklah menyatakan terdapat dua *qawl* dalam perkara tersebut. Pendapat kedua mengatakan tidak harus bagi mujtahid memilih pendapat *qadim* sebagai pendapat yang *rājih* kerana di antara *qawl qadim* dan *jadid* dianggap sebagai dua nas yang bertentangan yang tidak boleh dikumpulkan sekali. Maka hendaklah dia bermal dengan pendapat yang baru atau terakhir.<sup>17</sup>

Berhubungan dengan perkara di atas, apa yang berlaku sebenarnya adalah ijhtihad baru yang tidak menasakhkan ijhtihad yang pertama (*qawl qadim*). Ini kerana perkara seperti ini biasa terjadi di kalangan mujtahid dan ia diharuskan dalam ijhtihad. Sekiranya diperhatikan sesuatu peristiwa, sekalipun kelihatan serupa tetapi jelas ianya tidak sama dan waktu terjadi peristiwa tersebut sudah berbeza. Kedua-dua *qawl* tetap berfungsi mengikut keadaan dan suasana dan masih boleh digunakan apabila keadaan dan suasana itu berulang lagi. Oleh itu, bagi masyarakat Iraq mereka tidak semestinya meninggalkan *qawl qadim* kerana bagi mereka *qawl* itulah yang lebih sesuai dengan adat dan `uruf mereka. Manakala bagi masyarakat Mesir pula, *qawl jadid* sepatutnya digunakan kerana ia lebih sesuai dengan adat dan `uruf mereka. Bagi mereka yang berada di luar dari kedua-dua tempat tersebut boleh memilih mana-mana di antara kedua *qawl* tersebut yang sesuai dengan adat atau `uruf serta suasana persekitaran mereka.

## FAKTOR PERUBAHAN *QAWL QADĪM* KEPADA *QAWL JADĪD*

Sekiranya diteliti kitab-kitab Imam al-Shāfi`ī seperti *al-Risālah* dan *al-Umm*, tidak ditemui keterangan mengenai sebab atau faktor yang mendorong kepada perubahan pendapat atau ijhtihad beliau. Mengikut pandangan kebanyakan ulama, antara faktor yang mendorong al-Shāfi`ī mengubah pandangannya ialah tempat, keadaan dan masa yang berbeza di antara Iraq dan Mesir. Begitu juga kerana faktor adat atau `uruf antara kedua tempat ini serta wujudnya penemuan hadith-hadith yang tidak ditemui sebelumnya.

---

<sup>17</sup> *Ibid*, h. 354.

i. Faktor Tempat, Keadaan dan Masa

Al-Shāfi`ī dilahirkan dan dibesarkan di tempat yang berbeza di samping suka mengembara mencari ilmu dan pengalaman di merata tempat. Antaranya Hijaz (Mekah dan Madinah), Yaman, Iraq, Mesir dan lainnya. Kesemua tempat di atas mempunyai latar belakang geografi, budaya dan cara hidup penduduk yang berbeza. Secara tidak langsung ini memberi kesan kepada pandangan dan pemikiran al-Shāfi`ī terutamanya dalam bidang fiqh.

Hijaz, iaitu tempat al-Shāfi`ī dibesarkan dan mendapat pendidikan awal, dari segi geografinya merupakan suatu wilayah yang terhampar di bahagian Semenanjung Arab, dengan kotanya seperti Mekah, Madinah dan Ṭā'if. Keadaannya yang berbeza dengan daerah-daerah sekitarnya yang mana ia terdiri dari hamparan gurun pasir dengan bukit-bukit pasir, tidak mempunyai sungai, panas terik, tumbuh-tumbuhan tidak dapat tumbuh melainkan sedikit. Keadaan alam yang demikian melahirkan corak kehidupan dan pandangan yang berbeza dengan daerah sekitarnya. Kebanyakan penduduk Hijaz hidup sebagai badwi dan pekerjaan utama ialah berdagang sama ada antara daerah (utara-selatan) mahupun kota-desa, dan kota Mekah sebagai pusatnya. Keadaan ini berlangsung lama dan bertambah giat setelah wilayah yang dikuasai bangsa arab bertambah luas.<sup>18</sup> Dilihat dari segi sejarahnya, selepas kedatangan Islam, Mekah dan Madinah mendapat kedudukan tinggi dalam bidang ilmu.

ii. Faktor Adat atau `uruf

Dalam *qawl qadīm* dan *jadīd* al-Shāfi`ī, terdapat ketetapan yang didasarkan kepada adat atau `uruf walaupun ia tidak dinyatakan secara tegas dalam kitab *al-Risālah* sebagai dalil atau dasar hukum sebagaimana al-Qur`ān, sunnah, *ijmā'*, *qawl al-ṣaḥābah* dan *qiyās*. Sebagai contoh al-Shāfi`ī mengharuskan jual beli buah-buahan yang bercampur antara yang telah masak dengan yang belum masak. Hukum ini dibina berdasarkan `uruf penduduk setempat di samping sukar untuk mengubah sesuatu perkara yang telah menjadi amalan sejak sekian lama.

---

<sup>18</sup> Ahmad Amin (1976), *Fajar Islam*, (terj. Dusuki Ahmad). KL: DBP, h. 236; Ismail Thaliby (1993), *Imam Shāfi`ī: Mujtahid Tradisional yang Dinamis*, Jakarta: Kalam Mulia, h. 64.

Muḥammad Abū Zahrah memetik:

“Kami teringat apa yang kami kutip dari Ibn Ḥajar mengenai al-Shāfi`i. Sesungguhnya al-Shāfi`i telah mengubah beberapa pendapatnya yang pernah ditulis, tetapi apa yang pernah ditulis itu tetap sahaja sebagaimana adanya. Perubahan ini terjadi setelah tulisan itu dibukukan. Adapun al-Rabī`, dia meriwayatkan *al-Umm* seperti apa adanya. Kemudian diberinya penjelasan bahawa pendapat Imam al-Shāfi`i yang lain atau terakhir adalah begini atau begitu”.<sup>19</sup>

Dari penjelasan di atas jelas menunjukkan bahawa berlaku beberapa perubahan masalah fiqh dalam mazhab al-Shāfi`i, sama ada dalam hukum fiqh ataupun dasar dan metodologinya. Hal ini terbukti dengan adanya beberapa pendapat dalam beberapa masalah hukum yang didasarkan kepada adat atau `uruf terutama dalam bidang muamalah dan kemasyarakatan, di samping perubahan dalam bidang ibadah yang umumnya didasarkan kepada nas, qiyās dan *istiṣḥāb*. Sebagai contoh, perkataan *mulāmasah*, *mubāda`ah*, *mubāsharah*, *ityān*, *ghisyān qirbān* dan seumpamanya. Di Iraq, perkataan-perkataan tersebut merupakan kata-kata *ṣarīḥ* yang membawa maksud persetubuhan kerana ia banyak digunakan dalam pengertian tersebut. Sedang di Mesir, ia merupakan kata-kata kiasan (*kināyah*) yang memerlukan kepada niat barulah ia memberi erti persetubuhan.<sup>20</sup> Dalam hal ini al-Shāfi`i sebenarnya menetapkan hukum berdasarkan adat atau `uruf. Walaupun ada kenyataan lain yang menunjukkan bahawa al-Shāfi`i seorang yang amat menitik beratkan sunnah Rasulullah SAW sehingga beliau mendapat gelaran *nāṣir al-Sunnah*, namun ini tidak bermakna beliau tidak mengambilkira `uruf. Walaupun demikian, selagi ada sunnah yang thabit, beliau tetap akan mendahulukannya.<sup>21</sup>

Perbezaan hukum yang berasaskan kepada `uruf atau suasana persekitaran adalah harus. Perkara ini berlaku kepada beberapa ijtihad al-Shāfi`i.<sup>22</sup> Sebagai contoh masalah menjual kulit binatang yang telah disamak. Dalam *qawl qadīm*, al-Shāfi`i berpendapat tidak harus menjualnya kerana haram melakukan urusniaga pada benda yang telah mati. Sewaktu di Mesir beliau telah mengubah pendapatnya kepada harus atas faktor `uruf ekonomi

<sup>19</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1948), *op.cit.*, h.170.

<sup>20</sup> Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (1956), *Sharḥ Minhāj al-Ṭālibīn*, jil. 4, Mesir: Maṭba`ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, h. 40.

<sup>21</sup> Ismail Thaliby (1993), *op.cit.* h. 73.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 72.

Mesir pada masa itu yang menjadikan perusahaan kulit binatang sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang penting.<sup>23</sup>

iii. Penemuan atau Penilaian Baru Terhadap Hadith

Di Mesir, al-Shāfi'ī juga mendengar hadith-hadith sahih menurut pandangan fuqaha' di sana. Dengan sebab itu, beliau telah mengubah beberapa pendapatnya berdasarkan penemuan atau penilaian baru terhadap hadith tersebut. Oleh itu lahirlah pendapat atau ijtihad baru yang disebut *qawl jadīd*. Al-Shāfi'ī akan berpegang dengan *qawl jadīd* yang menggunakan hadith sebagai asasnya. Perkara ini bersesuaian dengan kenyataan Imam al-Shāfi'ī sendiri iaitu “sekiranya kamu mendapati di dalam kitab-kitabku sesuatu yang bercanggah dengan sunnah Rasulullah SAW, maka hendaklah berpegang dengan sunnah Rasulullah SAW”.<sup>24</sup>

Di antara kes-kes berlakunya perubahan *qawl* berasaskan penemuan atau penilaian baru terhadap hadith ialah<sup>25</sup>:

1. Tempoh masa boleh sapu *khuf*.

*Qawl Qadīm*: tidak ada had waktu sehingga dibuka atau batal

*Qawl Jadīd*: Tiga hari tiga malam bagi musafir dan satu hari satu malam bagi orang bermukim.

2. Terlupa membaca al-Fatihah dalam solat.

*Qawl Qadīm*: Solatnya tetap sah.

*Qawl Jadīd*: Tidak sah dan wajib menunaikannya jika teringat.

3. *Bay' al-Fuḍūlī*

*Qawl Qadīm*: Akad bergantung kepada keizinan pemilik.

*Qawl Jadīd*: Akad terbatal.

<sup>23</sup> Aḥmad Nahrawī 'Abd al-Salām (1988), *al-Imām al-Shāfi'ī fi Madhhabayh al-Qadīm wa al-Jadīd*, Kaherah: Dār al-Kutub h. 459-462.

<sup>24</sup> Ibn Jawzī (t.t.), *Ṣifāh al-Ṣafwah*, Beirut: Dār al-Ma'ārif, h. 257.

<sup>25</sup> Al-Nawawi (2001), *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Vol.1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 110 dan *passim*; Ahmad Nahrawi 'Abd al-Salam (1988), *al-Shāfi'ī fi Madhhabayh al-Qadīm wa al-Jadīd*. Kaherah: dar al-Kutub, h. 445 dan *passim*.



4. Makan daging mentah membatalkan wuduk atau tidak?  
*Qawl Qadīm*: membatalkan wudu'.  
*Qawl Jadīd*: tidak batal.
5. Anggota yang perlu disapu ketika tayammum  
*Qawl Qadīm*: hanya tapak tangan dan belakangnya.  
*Qawl Jadīd*: tapak tangan hingga ke siku.
6. Air mengalir yang dimasuki najis dan tidak berubah salah satu sifatnya.  
*Qawl Qadīm*: tidak dikira najis sama ada air itu banyak atau sedikit.  
*Qawl Jadīd*: tidak najis jika air lebih daripada dua kolah.
7. Adakah air yang telah digunakan untuk bersuci masih suci dan boleh menyucikan?  
*Qawl Qadīm*: suci dan boleh menyucikan.  
*Qawl Jadīd*: suci tetapi tidak boleh menyucikan.
8. Tertib dalam melakukan wuduk kerana terlupa  
*Qawl Qadīm*: sah wuduknya.  
*Qawl Jadīd*: wuduk tidak sah, sama seperti hukum meninggalkan rukun wuduk.
9. Tidur orang yang rukuk dan sujud ketika solat.  
*Qawl Qadīm*: tidak membatalkan wuduk.  
*Qawl Jadīd*: membatalkan wuduk.
10. Hukum menyentuh dubur.  
*Qawl Qadīm*: tidak membatalkan wuduk.  
*Qawl Jadīd*: batal wuduk sepertimana menyentuh qubul.
11. Tayammum menggunakan pasir yang ada najis dan telah hilang kesannya.  
*Qawl Qadīm*: harus dan sah tayammum.  
*Qawl Jadīd*: tidak harus.

12. Hukum salam kedua selepas solat.  
*Qawl Qadīm*: Ada dua pendapat
  - i. ia tidak disyariatkan
  - ii. jika solat bersendirian atau berjemaah yang sedikit dan bising, maka memadai salam sekali sahaja. Jika ramai jemaah dan bising, maka hendaklah dua kali salam.  
*Qawl Jadīd*: ia disyariatkan dan sunat hukumnya.
13. *Istikhlāf* dalam solat jamaah.  
*Qawl Qadīm*: tidak harus.  
*Qawl Jadīd*: harus.
14. Masa wajib membayar zakat fitrah  
*Qawl Qadīm*: apabila terbit fajar hari raya.  
*Qawl Jadīd*: apabila tenggelam matahari pada malam hari raya.
15. Fidyah puasa orang yang terlalu tua atau sakit yang tiada harapan sembuh.  
*Qawl Qadīm*: tidak wajib fiqyah kerana hukumnya sama dengan kanak-kanak dan orang gila.  
*Qawl Jadīd*: wajib fidyah.
16. Hukum mengambil sebahagian harta orang yang tidak membayar zakat.  
*Qawl Qadīm*: harus mengambil sebahagian hartanya.  
*Qawl Jadīd*: tidak harus mengambil hartanya.
17. Hukum orang yang mati sebelum menqada'kan puasanya sedangkan dia sempat atau mampu melakukannya.  
*Qawl Qadīm*: wali diberi pilihan sama ada hendak berpuasa bagi pihak si mati atau membayar fidyah secukupnya bagi setiap hari yang ditinggalkan.  
*Qawl Jadīd*: wajib membayar fidyah.

Dalam permasalahan di atas, ulama mazhab al-Shāfi`ī memilih *qawl jadid* sebagai pendapat yang rajih kerana perubahan yang dilakukan itu berdasarkan penemuan atau penilaian baru terhadap hadith.

Di sini dihuraikan satu contoh perubahan pendapat berdasarkan penemuan hadith baru iaitu persoalan anggota yang perlu disapu sewaktu tayammum. Dalam *qawl qadīm*, beliau berpendapat bahawa anggota yang wajib disapu ialah muka dan kedua tapak tangan sahaja berdasarkan hadith ‘Ammār bin Yasār:

“...memadailah begini, lalu Rasulullah menepuk tangannya ke tanah dan meniupnya, kemudian Baginda menyapu kedua-duanya ke muka dan tapak tangan”.<sup>26</sup>

Dalam *qawl jadidnya* beliau mengubah pandangan bahawa anggota yang wajib disapu ialah muka dan kedua tangan sehingga ke siku. Beliau mengubah pandangannya berdasarkan penemuan hadith lain yang lebih kuat sandarannya menurut beliau.<sup>27</sup> Antaranya hadith riwayat Ibn ‘Umar:<sup>28</sup>

“Maka tayammum dengan menyapu muka dan kedua lengan”

Manakala contoh perubahan pendapat berdasarkan penilaian baru terhadap hadith ialah persoalan apakah perlu membayar kaffarah jika melakukan persetubuhan ketika isteri dalam haid. Dalam *qawl qadīmnya*, beliau berpendapat wajib membayar kaffarah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās bahawa Rasulullah SAW bersabda tentang lelaki yang menyetubuhi isterinya ketika dalam haid:

“Hendaklah dia bersedekah setengah dinar”<sup>29</sup>

Dalam *qawl jadidnya*, beliau berpendapat tidak wajib bagi orang tersebut membayar kaffarah, memadai dengan bertaubat kepada

<sup>26</sup> Al-Bukhārī (1971), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi Sharḥ al-Karamānī*, juz 3, ”Kitāb al-Tayammum”, no. 332, Beirut: Dār Iḥyā al-Turāth al-‘Arabī, h. 217.

<sup>27</sup> Aḥmad Nahrawī (1998), *op.cit.* h. 483-488

<sup>28</sup> al-Shafi`i menerima hadith ini sebagai sandaran. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t.), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 442.

<sup>29</sup> (Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif) Al-Tirmidhī (2000), *Ṣūnān al-Ṭirmidhī*, (bāb al-tāḥārāḥ. (no. ḥādīth 136, h. 1647), cet. 3. Rīyādh: Dār al-Ṣalām.

Allah. Perubahan ini dilakukan kerana beliau mendapati hadith tersebut disepakati oleh semua ahli hadith sebagai *ḍa'if* dan *muḍṭarib*.<sup>30</sup>

Selain dari tiga faktor di atas, terdapat juga perubahan pendapat al-Shāfi'ī yang berdasarkan penilaian atau persepsi yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Contohnya dalam masalah berturut-turut (*muwālah*) dalam mengambil wuduk. Dalam *qawl qadīm*, membasuh anggota-anggota wuduk mestilah dilakukan berturut-turut. Ini bermakna membasuh di antara satu anggota dengan anggota lain tidak boleh dipisahkan dengan tempoh yang lama. Apabila al-Shāfi'ī pergi ke Mesir, beliau telah menyemak semula pandangannya ini dan mendapati ijtihadnya bersandarkan kepada hujah yang tidak kuat. Beliau merasakan terdapat dalil yang lebih kuat dan lebih praktikal. Oleh itu, beliau telah mengubah pandangannya kepada hukum berturut-turut dalam wuduk hanyalah sunat, tidak wajib. Ini berdasarkan kepada konsep memudahkan dan tidak menyukarkan kerana manusia terpaksa mengulangi semula wuduk daripada mula setiap kali air ada.<sup>31</sup>

Contoh lain ialah tentang persoalan apakah hutang boleh menghalang daripada kewajiban membayar zakat? Dalam *qawl qadīm*, beliau berpendapat bahawa hutang menghalang kewajiban zakat. Namun kemudian beliau mengubah pendapat tersebut kepada sebaliknya. Ini kerana salah satu daripadanya tidak boleh menghalang yang lain. *Qawl jadīdnya* ini lebih tepat dan sesuai jika dilihat dari aspek syariat, ekonomi, kemasyarakatan dan akhlak. Malah sebaliknya ia akan menggalakkan orang berhutang pula bagi membayar hutang mereka.<sup>32</sup>

Di samping itu terdapat juga perbezaan persepsi ini berpunca daripada kematangan beliau dalam menilai sesuatu terutamanya yang berkaitan dengan penggunaan prinsip qiyas. Terdapat beberapa permasalahan dalam *qawl qadīm* yang berdasarkan kepada prinsip qiyas yang telah diubah kerana beliau mendapati qiyas tersebut adalah tidak tepat (*qiyās ma'a al-fāriq*). Contohnya, apakah perlu bertayammum ketika ada air tetapi tidak mencukupi untuk wuduk atau mandi janabah dan juga masalah hukum orang yang gila pada siang hari sedangkan dia telah berniat berpuasa.

Faktor yang ketara yang membawa kepada perubahan pendapat al-Shāfi'ī dalam *qawl qadīm-jadīdnya* ialah perubahan dari segi dalil yang dipegang serta perubahan *al-ra'y*, iaitu faktor naqli dan 'aqli. Di samping itu

<sup>30</sup> Al-Nawawī (1996), *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, jil. 2, Kaherah: Maṭba'ah al-Āṣimah, h. 360.

<sup>31</sup> Aḥmad Nahrawī (1988), *op.cit.* h. 465-468.

<sup>32</sup> *Ibid*, h. 540-545.

ada juga faktor keadaan sosial, tempat dan zaman.<sup>33</sup> Di bawah ini merupakan contoh berlakunya perubahan pandangan dan qawl yang berpunca dari pelbagai faktor.

Jadual 1: Faktor perubahan *qawl qadim* dan *qawl jadid*

Bil	Tajuk	<i>Qawl Qadim</i>	<i>Qawl Jadid</i>
1.	Menggunakan air yang terkena najis serta air musta'mal yang digunakan untuk bersuci	<i>ra'y</i>	hadith
2.	Menggunakan air musta'mal untuk bersuci	hadith	hadith
3.	Hukum menyamak kulit	hadith	<i>ra'y</i>
4.	Tertib dalam wuduk	hadith	hadith
5.	Berterusan dalam wuduk	hadith	hadith
6.	Waktu menyapu kasut (khuff)	hadith	hadith
7.	Menyapu khuff yang rosak	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
8.	Tidur orang yang sedang melakukan solat	hadith	hadith
9.	Hukum menyentuh dubur	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
10.	Mandi dengan air yang tidak mencukupi	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
11.	Hukum tayammum dengan menggunakan pasir	hadith	<i>ra'y</i>
12.	Hukum tayammum kerana terlupa membawa air	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
13.	Kifarah hubungan suami-isteri semasa dalam keadaan haid	hadith	<i>ra'y</i>

<sup>33</sup> Sihabuddin Muhaemin (2005), "Pandangan al-Shāfi'ī Dalam Qawl Qadim dan Qawl Jadid: Satu Analisis". Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, APIUM, h. 181-184.

14.	Waktu solat 'Isyak	hadith	hadith
15.	Ijtihad mencari arah kiblat	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
16.	Hukum salam kedua dalam solat	hadith	hadith
17.	Hukum hadas yang datang secara mendadak	hadith	hadith
18.	Hukum orang yang enggan membayar zakat	hadith	hadith
19.	Hukum zakat terhadap orang yang berhutang	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
20.	Hukum zakat fitrah	hadith	hadith
21.	Hukum orang tua yang tidak sanggup berpuasa dan orang sakit yang tidak dapat diharapkan kesembuhannya	<i>ra'y</i>	hadith
22.	Hukum niat dalam berpuasa	<i>ra'y</i>	<i>ra'y</i>
23.	Hukum umrah	hadith	hadith
24.	Hukum batal wuduk ketika tawaf	hadith	<i>ra'y</i>
25.	Hukum menjual hamba mukatab	hadith	<i>ra'y</i>

Sumber: Sihabuddin Muhaemin (2005), "Pandangan al-Shāfi'ī Dalam Qawl Qadīm dan Qawl Jadīd: Satu Analisis"

Dari jadual di atas menunjukkan bahawa perubahan pendapat al-Shāfi'ī dari qadīm kepada jadīd berasaskan kepada dalil naqli dan dalil 'aqli. Perubahan tersebut boleh diklasifikasikan kepada empat kategori seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 2: Kategori perubahan qawl qadīm kepada qawl jadīd

Bil	Kategori perubahan dari <i>qawl qadīm</i> kepada <i>qawl jadīd</i>	Jumlah	peratusan
1	Hadith kepada hadith	11/25	44%
2	Ra'y kepada hadith	2/25	8%
3	Hadith kepada ra'y	5/25	20%
4	Ra'y kepada ra'y	7/25	28%

Daripada 25 kes atau masalah di atas yang dianalisis menunjukkan 52% (44% + 8%) perubahan *qawl qadīm* kepada *jadīd* berasaskan dalil hadith. Sebaliknya, perubahan daripada *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd* yang berasaskan kepada dalil `aqli (*ra'y*) adalah sebanyak 48% (20% + 28%). Daripada 25 sampel yang dianalisis ini menunjukkan bahawa faktor perubahan tersebut adalah seimbang di antara rujukan kepada dalil naqli (hadith) dan dalil `aqli (*ra'y*). Namun begitu kesimpulan di atas tidaklah menggambarkan keseluruhan pendapat dan pandangan fiqh imam al-Shāfi`ī kerana kes-kes yang dianalisis hanyalah sebahagian kecil permasalahan fiqh dalam *qawl qadīm* dan *qawl jadīd*.

## KESIMPULAN

Daripada penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa perubahan *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd* al-Shāfi`ī disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kerana penemuan baru atau penilaian baru terhadap hadith-hadith yang ditemui di Mesir yang belum pernah didengar semasa di Iraq. Selain itu, ia juga berpunca daripada perubahan tempat, masa, keadaan dan `uruf yang ada di antara Iraq dan Mesir di samping tempat-tempat lain yang pernah dikunjungi oleh al-Shāfi`ī.

Kewujudan dua *qawl*, *qadīm* dan *jadīd* dalam mazhab al-Shāfi`ī menggambarkan bahawa fatwa, ijtihad, pandangan dalam bidang fiqh boleh berubah, tidak statik atas sebab-sebab yang membenarkannya berlaku. Ianya tidaklah kaku, sebaliknya boleh berubah disebabkan perbezaan tempat, zaman, `uruf bahkan terdapat dalil naqli terutama hadith yang lebih kuat mengenainya.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Amin (1976), *Fajar Islam*, (terj. Dusuki Ahmad), KL: DBP.
- Aḥmad Nahrawī `Abd al-Salām (1988), *al-Imām al-Shāfi`i fī Madhhabayh al-Qadīm wa al-Jadīd*, Kaherah: Dār al-Kutub.
- al-Aṣḥabānī, al-Ḥāfiẓ Abū Na`īm Aḥmad b. `Abd Allāh (t.t.), *Ḥilyah al-Awliyā` wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāt*, Mesir: Dār al-Kitāb al-`Arabī.
- al-Baghādādī, Abū Bakr Aḥmad b. `Alī al-Khaṭīb (1417H/1997M), *Tārīkh Baghdād*, Muṣṭafā `Abd al-Qādir (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī (1971), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi Sharḥ al-Karamānī*, juz 3, kitāb al-tayammum, no. 332, Beirut: Dār Iḥyā al-Turāth al-`Arabī.
- Ismail Thaliby (1993), *Imam Shāfi`i: Muḥtāhid Tradisional yang Dinamis*, Jakarta: Kalam Mulia.
- Ibn Jawzī (t.t.), *Ṣifah al-Ṣafwah*, Beirut: Dār al-Ma`ārif.
- al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn, (1956), *Sharḥ Minhāj al-Ṭālibīn*, jil. 4, Mesir: Maṭba`ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh.
- Muḥammad `Abd al-Raḥīm (1415H/1995M), *Dīwān al-Imām al-Shāfi`i*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Abū Zahrah (1948), *al-Imām al-Shāfi`i-Ḥayātuh wa `Aṣruh wa Ārā`uh wa Fiqhuh*, Kaherah: Dār al-Kutub.
- al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā b. Syaraf (t.t.), *Tahdhīb al-Asmā` wa al-Lughāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- al-Nawawī (1996), *Majmū` Sharḥ al-Muhadhdhab*, juz 2, Kaherah: Maṭba`ah al-`Āṣimah.
- al-Rāzī, Abū `Abd Allāh Muḥammad (t.t.), *Manāqib al-Imām al-Shāfi`i*, Kaherah: Maktabah al-`Allāmah.
- Sihābuddīn Muhaemin (2005), “Pandangan al-Shāfi`i Dalam Qawl Qadīm dan Qawl Jadīd: Satu Analisis”, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, APIUM.
- al-Shāfi`ī, Muḥammad b. Idrīs (1413H/1993M), *al-Umm*, Maḥmūd Maṭrajī (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Wahbah al-Zuḥaylī (1986M), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. 3, Damsyik: Dār al-Fikr.